

**Perkasa Nafi Cetus Kekecohan Pada Himpunan Hijau Di P.Pinang  
Bernama  
28 Februari , 2012**

GEORGE TOWN, 28 Feb (Bernama) -- Pertubuhan Peribumi Perkasa (Perkasa) Pulau Pinang Selasa menafikan anggotanya telah mencetuskan kekecohan yang mengakibatkan dua petugas media cedera pada Himpunan Hijau 2.0 di Padang Kota di sini Ahad lepas.

Ketua Wira Perkasa Pulau Pinang Mohd Rizuad Mohd Azudin berkata anggota Perkasa berada di situ hanya untuk meninjau keadaan tetapi ada pihak yang membuat provokasi terhadap mereka sebaik Ketua Menteri Lim Guan Eng tiba.

"Kejadian berlaku apabila salah seorang wartawan berkenaan yang mengiringi Ketua Menteri sejak ketibaannya sehingga beliau habis berucap telah mengasari salah seorang anggota Perkasa.

"Keadaan menjadi kalam kabut dan berlaku pergelutan dan saya tegaskan bahawa pergelutan itu bukanlah berpunca dari anggota kami," katanya pada sidang akhbar di sini hari ini.

Beliau berkata bukti kenyataannya boleh dilihat dalam rakaman video yang telah dimuat turun dalam laman sosial YouTube.

---BERNAMA

Hakcipta © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=648498>